

29 AUG 2000

Waja-Pandu uji/I

MEDIA PANDU UJI PROTON WAJA

SHAH ALAM, 29 Ogos (Bernama) -- Media tempatan hari ini diberi peluang memandu uji kereta pertama rekaan Malaysia, Proton Waja, di trek Proton Shah Alam di sini.

Masing-masing dua model manual dan automatik 1.6 liter dipandu uji oleh kira-kira 20 wartawan yang sebelum itu diberi taklimat mengenai keupayaan dan prestasi kereta berkenaan oleh pegawai Proton.

Waja dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Melawati pada 8 Mei lepas.

Kempen jualan Waja dijadual dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Hari Kebangsaan di kompleks ibu pejabat EON di Glenmarie, Shah Alam.

Pada taklimat itu, para pegawai ditanya mengenai harga bagi kedua-dua model 1.6 dan 1.8 model yang tetapi dimaklumkan bahawa ia akan diumumkan semasa kempen jualan.

Saya tidak boleh beritahu harganya sekarang, kata Pengurus Besar Proton bagi Projek Platform GX Muhamad Aman.

Bagaimanapun, difahamkan harga bagi model 1.6 adalah antara RM60,000 dan RM70,000.

Muhamad juga berkata bahawa Waja adalah 40 peratus lebih kuat daripada Proton Wira.

"Saya tidak bermaksud mengatakan bahawa Wira tidak bagus tetapi bagi memenuhi pasaran global, kita perlukan kereta yang lebih baik... untuk bersaing," katanya.

Buat permulaan, model 1.6 boleh diperolehi dalam empat warna iaitu Artic Blue, Silver 1, Indium 2 dan Petrol Blue bagi kedua-dua model manual dan automatik.

Katanya model 1.8 akan dikeluarkan menjelang akhir tahun ini.

-- BERNAMA

NZ ZS LAT